

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 December 2015

Najib lebih berani berbanding Dr. M

Um
- 6/12/2015

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak disifatkan sebagai seorang pemimpin yang lebih berani daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mengurus cabaran-cabaran terhadap kepemimpinannya.

Pengendali portal *Malaysia-today.net*, Raja Petra Kamaruddin berkata, Najib bukan sahaja berani menutup mulut mereka yang berkomploit menentanginya, tetapi juga berani untuk tidak memecat mereka, tidak seperti Dr. Mahathir sebelum ini.

Malah katanya, Perdana Menteri telah menjemput golongan itu ke Perhimpunan Agung UMNO minggu depan dan membenarkan mereka duduk di atas pentas dan tempat duduk orang kenamaan (VIP).

Menurutnya, ada yang mengadu bahawa Najib tidak mengendahkan soalan-soalan mereka dan enggan menjawab pertanyaan mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan RM2.6 bilion di Parlimen, namun sebenarnya, tindakan sebegini memerlukan keberanian.

"Orang yang lemah hati tidak akan berani mengabaikan pengkritik mereka. Mereka akan kelam-kabut berusaha menenangkan pengkritik dan tidak mahu dilihat sebagai mengelak.

"Najib, bagaimanapun telah mem-

beri mereka satu mesej yang jelas seperti apa yang dilakukan Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri Shahrir Samad kepada bekas Pengerusi Bersama Perhimpunan Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga sebelum ini," katanya dalam portalnya hari ini.

Dalam pada itu, Raja Petra berkata, dakwaan bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Musa Hitam mengatakan Najib sebagai seorang diktator yang lebih besar daripada Dr. Mahathir baru-baru ini, sebenarnya merupakan sebuah pujian.

Jelasnya, perkara itu memandangkan Musa setahun lalu telah memperkecilkan Najib dengan menggelar Perdana Menteri sebagai



RAJA PETRA

seorang penakut.

"Ya memerlukan keberanian untuk menjadi seorang diktator. Jika Najib merupakan diktator yang lebih besar daripada Dr. Mahathir, itu bermakna beliau mempunyai keberanian yang lebih berbanding Dr. Mahathir.

"Jadi, adakah Najib pengecut atau lebih diktator daripada Dr. Mahathir? Kita tidak boleh jadi kedua-duanya. Kita kena jadi salah satu antara pengecut atau diktator. Jika Najib lebih bersifat diktator daripada Dr. Mahathir, maknanya beliau lebih berani dan seperti dikatakan Musa, Dr. Mahathir tidak berani menutup mulut bekas Timbalan Perdana Menteri itu daripada terus mengkritik," katanya.